

HARI : SABTU  
TARIKH : 7/3/2020  
M/SURAT : 8A

## 'Bukan mudah urus isu pelantikan Kabinet'

**Putrajaya:** Kesukaran memutuskan senarai nama Kabinet baharu menjadi punca kepada penangguhan persidangan Dewan Rakyat daripada 9 Mac kepada 18 Mei hadapan.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin sukar menjalankan proses dari kelompok yang pelbagai.

Menurut beliau, rakyat

juga ternanti-nanti rupa sebuah kerajaan dan jumlah menteri di mana wakil daripada bukan Melayu sangat kecil.

"Muhyiddin sukar untuk menguruskan isu pelantikan Kabinet kerana perlu menangani persepsi pengkhianatan, bagaimanapun beliau cuma mengolah dengan memberikan wajah yang lebih baik," katanya selepas menghadiri Majlis Apresiasi KPDNHEP 2020 di sini, semalam.